



Kempen Jom Join Kelab (JJK)

Pada **30 & 31 Januari**, satu program iaitu Kempen Jom Join Kelab di bawah penganjuran Exco Kepimpinan & Organisasi, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010 (MPP) telah berjaya dilaksanakan bertempat di Dataran Kg Wai dan Dewan Terbuka Wang Ulu. Kempen dianjurkan bertujuan untuk menambahkan bilangan ahli kelab-kelab serta persatuan berdaftar yang wujud di UniMAP. Sebanyak 10 kelab berdaftar telah menyertai program ini dan 225 orang pelajar telah mendaftar sebagai ahli baru semasa kempen ini dijalankan. Antara pengisian aktiviti sepanjang program ini, kelab dan persatuan telah mengadakan pameran mengenai informasi, kelebihan serta aktiviti-aktiviti kelab dan persatuan masing-masing.

Antara kelab-kelab dan persatuan yang terlibat adalah Kelab Nasyid, Kelab Takraw, Kelab Persada, Kelab Silat Cekak, Kelab Taekwondo kelab Seni Lakon & Kreatif, Kelab Kebudayaan dan sebagainya. Selain itu juga, terdapat tiga seketerariat yang berdaftar telah turut menyertai kempen ini.

Oleh ; Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010

